KOLEJ UNIVERSITI TEKNIKAL KEBANGSAAN MALAYSIA

# LAPORAN TAHUNAN

# 2004



UTeM
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

LG
173
.M44
.K64
2004
raf
n3

raf
LG173.M44 .K64
0000012420
Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia : laporan tahunan=annual report / Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia.

# ISI KANDUNGAN

VISI, MISI, MOTO 1

OBJEKTIF, DASAR KUALITI 2

KUTKM SEPINTAS LALU 3

CANSELOR KUTKM 4

PERUTUSAN PENGERUSI 6

LAPORAN REKTOR 7

BERSAMA MEMBANGUNKAN KUTKM 9
- AKADEMIK
- PENYELIDIKAN DAN INOVASI
- PENGURUSAN SUMBER MANUSIA
- PEMBANGUNAN PELAJAR
- PENGURUSAN KEWANGAN

PERISTIWA SEPANJANG 2004 20

LAPORAN KEWANGAN 23

PROSPEK & PERANCANGAN 2005 26

PENGURUSAN KUTKM 27

PENYATA KEWANGAN 30

اونيۏرسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Laporan ini disediakan secara bersama dengan wakil-wakil Pusat Tanggungjawab dan Jawatankuasa Penyunting iaitu:-
**Penaung** : Y.Bhg Datuk Prof. Ismail bin Hassan; **Penasihat** : Prof. Madya Dr. Mohd Ridzuan bin Nordin; **Ketua Penyunting** : Rahman bin Hashim ; **Ahli** : Mohd Azmi bin Mat Said, Mohd Shamsuri bin Md Saad, Noraini binti Zabidin, Mohd Shahar bin Akashah, Zanariah binti Jano, Lee Mei Ph'ng, Faradila binti Md Yusof, Ruzaiman bin Abdul Rahman, Maswatee binti Abd Gafar; **Rekaletak & Grafik** : Aziza binti Md Buang, Hanisah binti Hamdzah, Ruziah binti Ali.

## VISI

Menjadi Universiti Teknikal Yang Kreatif dan Inovatif Terkemuka di Dunia

## MISI

Melahirkan Ahli Profesional
Yang Bersahsiah Murni, Kompeten Dan Berketerampilan Tinggi Melalui
Pendidikan Universiti Teknikal Berkualiti Dan Bertaraf Dunia
Berteraskan Pengajaran, Pembelajaran Dan Penyelidikan
Berorientasikan Aplikasi
Dengan Perkongsian Pintar Universiti-Industri
Sejajar Dengan Aspirasi Negara

## MOTO

Kompetensi Teras Kegemilangan

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

# OBJEKTIF

- Menjadi sebuah organisasi pembelajaran dan keilmuan.
- Memainkan peranan berkesan sebagai penggerak kepada pembangunan perindustrian negara.
- Melahirkan graduan yang kompeten dan bersahsiah tinggi yang menjadi pilihan utama industri.
- Menawarkan kursus-kursus profesional, multi dan inter-disiplin berorientasikan aplikasi.
- Menyediakan kurikulum yang mencerminkan semua dimensi disiplin yang menggalakkan pemikiran kritis, penyelesaian masalah, kerja berpasukan dan kemasyarakatan.
- Mempunyai staf yang kompeten dan berkelayakan tinggi serta memiliki pengalaman praktikal yang luas.
- Menerajui aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R & D) dan perundingan yang berlandaskan penyelesaian masalah industri.
- Mengadakan infrastruktur dan persekitaran yang kondusif untuk:
    - Pengajaran dan pembelajaran berorientasikan aplikasi dan amalan
    - Perhubungan dan kerjasama universiti – industri
    - Pembangunan penyelidikan gunaan
    - Latihan industri secara dalaman
    - Perundingan dan pendidikan secara berterusan
    - Persekitaran kerja yang endah dan mesra
- Mengadakan perkongsian pintar universiti-industri dalam:
    - Pengajaran dan pembelajaran
    - Pembangunan kursus dan makmal
    - Penyelidikan, pembangunan dan perundingan
    - Inkubator dan Kilang Pengajaran
    - Latihan Industri

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

# DASAR KUALITI

Semua warga KUTKM beriltizam memberi perkhidmatan, pengajaran, pembelajaran, penyelidikan, perundingan dan perkhidmatan masyarakat yang berkualiti dan berusaha ke arah penambahbaikan yang berterusan.

# KUTKM SEPINTAS LALU

1. Ditubuhkan pada 1 Disember 2000 sebagai IPTA yang ke-14.

2. Kampus di Taman Tasik Utama (Sementara) dan di Durian Tunggal (Tetap), Melaka

3. IPTA Teknikal yang pertama di Malaysia.

4. Sistem pengajaran dan pembelajaran berorientasikan aplikasi dan amalan.

5. Rakan strategik sehingga kini termasuklah University of Coventry, Berlin Technical University, DRB-Hicom Berhad dan CTRM.

6. Jumlah pelajar mengikut peringkat pengajian :-

| Peringkat | Jumlah |
|---|---|
| Diploma | 800 |
| Ijazah Sarjana Muda | 3,267 |
| Ijazah Sarjana | 25 |
| Doktor Falsafah | 14 |
| **Jumlah Besar** | **4,106** |

7. Jumlah keseluruhan staf mengikut kategori perjawatan:-

| Kategori | % |
|---|---|
| Akademik | 404 |
| Pengurusan dan Profesional | 88 |
| Sokongan | 337 |
| Pelbagai (Sementara) | 181 |
| **Jumlah** | **1,010** |

8. Aspek Kewangan

Perbelanjaan mengurus 2004 adalah RM81,328,452 dan perbelanjaan pembangunan adalah RM123,883,366. Perbelanjaan mengurus dibiayai oleh peruntukan kerajaan sejumlah RM71.2 juta serta pendapatan yang dijana dari pendapatan lain. Pendapatan yang dijana universiti melalui kutipan yuran dan hasil-hasil lain ialah 15.95% dari keseluruhan pendapatan operasi KUTKM.

Komponen Perbelanjaan Mengurus

| Komponen | RM | % |
|---|---|---|
| Emolumen | 31,580,154 | 38.8 |
| Perkhidmatan dan Bekalan | 37,227,939 | 45.8 |
| Pemberian dan Bayaran Tetap | 3,760,368 | 4.6 |
| Perbelanjaan Lain | 623,990 | 0.8 |
| Aset | 8,136,001 | 10.0 |
| **Jumlah** | **81,328,452** | **100.0** |

UTeM
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



Masterplan KUTKM

UTeM
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## CANSELOR

**KOLEJ UNIVERSITI TEKNIKAL KEBANGSAAN MALAYSIA**

**Tuan Yang Terutama Tun Datuk Seri Utama**
**Syed Ahmad Al-Haj bin Syed Mahmud Shahabudin**
**SMN., SSM., DUMN., SPMS., SPMK., DP., SPDK., PNBS., PGDK., JMN., JP**



UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
UTeM
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

# PERUTUSAN PENGERUSI



Tan Sri Dato' Seri Mohd Saleh bin Sulong
Pengerusi Lembaga Pengarah KUTKM

Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia telah mencapai banyak kemajuan dalam pembangunannya sepanjang 2004. Pencapaian ini dapat dilihat melalui kelancaran pembangunan kampus tetap di Durian Tunggal, pengukuhan struktur organisasi dan sistem kerja serta usaha ke arah persijilan MS ISO 9001:2000 dan akreditasi program akademiknya.

Walaupun Universiti mengalami proses peralihan kepimpinan apabila Rektor Pertama, Datuk Profesor Dr. Mohd Ruddin bin Ab Ghani, bersara secara pilihan untuk menceburi bidang politik sepenuh masa, segala perancangan yang beliau mulakan telah dapat dilaksanakan dengan baik.

Ini kerana momentum pelaksanaan perancangan berjaya diteruskan oleh kepimpinan baru universiti yang diterajui oleh Datuk Profesor Ismail bin Hassan. Beliau telah memastikan pembangunan kampus tetap berjalan seperti yang dijadualkan. Hasilnya, Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK) telah beroperasi di sana bermula tahun ini dan Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE) pula akan berpindah ke sana pada awal tahun depan.

Pada tahun ini juga saya difahamkan inisiatif untuk mengukuh dan menstruktur semula organisasi dan sistem kerja di KUTKM telah dilakukan bagi memastikan Universiti ini kompetitif dalam menghadapi persaingan. Ini kerana, untuk KUTKM bersaing dalam persekitaran pendidikan tinggi yang kompetitif, keupayaannya untuk menawarkan perkhidmatan pendidikan yang terbaik harus dimaksimumkan.
Liberalisasi sektor pendidikan tinggi negara menyebabkan berlakunya peningkatan bilangan IPT dan ini telah mempengaruhi pandangan dan harapan terhadap pendidikan tinggi secara menyeluruh. Dalam hal ini, universiti baru seperti KUTKM perlu lebih menonjol dari segi identiti dan imej yang tersendiri dan perlu menekankan kepada pencapaian kualiti.

Dalam menangani cabaran ini, langkah bijak KUTKM memfokus kepada usaha mencapai persijilan MS ISO 9001:2000 dan akreditasi program akademiknya akan mengukuhkan lagi usaha ke arah mencapai hasrat yang dimaksudkan. Ini kerana pada era globalisasi ini, penawaran perkhidmatan pendidikan yang berkualiti akan menjadi satu kelebihan untuk bersaing bukan hanya di peringkat lokal tetapi juga global.
Saya merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih kepada Rektor KUTKM, Datuk Profesor Ismail bin Hassan serta semua warga KUTKM atas kerja kuat yang dilakukan dan pencapaian KUTKM sepanjang tahun lalu. Terima kasih juga kepada mantan Rektor KUTKM, Datuk Profesor Dr. Mohd Ruddin bin Ab Ghani di atas sumbangan beliau kepada pembangunan Universiti.

Usaha yang telah dilakukan perlu diteruskan malah dipergiatkan pada tahun 2005 sehingga visi dan misi universiti tercapai sepenuhnya. Untuk itu saya menyeru semua warga KUTKM supaya meneruskan semangat kerjasama berpasukan dan mengekalkan komitmen yang jitu terhadap universiti ini.

Bersamalah kita bangunkan KUTKM supaya menjadi antara universiti yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

**Tan Sri Dato' Seri Mohd Saleh bin Sulong**
**Pengerusi**
**Lembaga Pengarah KUTKM**

# LAPORAN REKTOR

Terlebih dahulu, bagi pihak KUTKM saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada mantan Rektor, Datuk Profesor Dr. Mohd Ruddin bin Ab Ghani di atas sumbangan beliau terhadap pembangunan KUTKM. Sesungguhnya jasa beliau dalam membangunkan Universiti ini sangat besar dan menjadi satu cabaran bagi saya untuk meneruskan perancangan yang telah diatur oleh beliau sebelum ini.

Memandangkan 2004 merupakan tahun pertama Pelan Strategik KUTKM diperkenalkan, maka pelaksanaan perancangan Universiti perlu dijuruskan kepada mencapai sasaran yang ditetapkan. Pelan bertempoh 12 tahun ini menggariskan dengan jelas apa yang perlu dicapai oleh KUTKM ke arah menjadi 'sebuah universiti teknikal yang kreatif dan inovatif terkemuka di dunia'. Ia adalah satu tanggungjawab berat yang perlu dipikul oleh kepimpinan Universiti yang saya terajui kini.

Untuk itu saya mengharapkan setiap warga KUTKM bekerja bersama saya bagi merealisasikan matlamat yang telah digariskan oleh Universiti. Pepatah Melayu, "yang berat sama dipikul, yang ringan sama dijinjing" harus dijadikan pegangan. Alhamdulillah, semangat ini telah berjaya diterap dan diamalkan sehingga KUTKM berjaya melakar beberapa pencapaian yang membanggakan sepanjang 2004.

**Akademik**

Bagi memantapkan lagi penyampaian ilmu, pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang berorientasikan *aplikasi dan amalan* telah diperkenalkan. Melalui kaedah ini, pembelajaran dilakukan secara intensif baik dari segi teori dan aplikasinya di dalam kelas mahupun amalan profesionalisme yang berkaitan dalam suasana pekerjaan. Ini membolehkan pelajar menterjemahkan konsep kepada amalan di dalam suasana kerja.

Sebagai sebuah universiti teknikal yang mengkhusus dalam bidang kejuruteraan dan ICT, kandungan program akademik Universiti dipastikan sentiasa relevan dengan keperluan dan kehendak industri. Ini dilakukan melalui pendekatan seperti kajian pasaran, input daripada industri dan pemeriksa luar serta perbandingan dengan universiti terkemuka di dunia. Sehubungan ini, usaha mendapatkan akreditasi dari JPA dan Lembaga Jurutera Malaysia telah dilakukan pada tahun ini. Pada masa yang sama, inisiatif untuk memperolehi persijilan MS ISO 9001:2000 yang dimulakan pada tahun 2003, digiatkan pelaksanaannya pada tahun ini.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



Datuk Profesor Ismail bin Hassan
Rektor

Bagi menguruskan perkembangan pengajian siswazah, Universiti telah menubuhkan Pusat Pengajian Siswazah (PPS). Di samping PPS dan Institut Pengurusan Teknologi dan Keusahawanan dan Pusat Kecemerlangan Pengajaran dan Pembelajaran turut ditubuhkan pada 2004.

Aktiviti penyelidikan dan pembangunan telah dipergiatkan pada 2004. Usaha ini membuahkan hasil apabila satu projek penyelidikan, Artificial Intelligent Neural Network (AINI), oleh penyelidik di Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK) telah meraih beberapa anugerah antarabangsa. Kejayaan ini membuktikan bahawa usia muda KUTKM tidak menjadi penghalang kepada pencapaian yang cemerlang dalam penyelidikan, pembangunan dan inovasi.

Tahun ini juga menyaksikan kumpulan pelajar pertama KUTKM seramai 180 orang, iaitu dari FTMK, menamatkan pengajian mereka.

**Pengurusan**

Seiring dengan pertambahan pelajar, bilangan tenaga akademik universiti juga dipertingkatkan supaya pelajar mendapat perkhidmatan pendidikan yang berkualiti. Sehingga akhir tahun lalu, bilangan staf akademik adalah seramai 401 orang. Nisbah bilangan staf akademik kepada pelajar sentiasa dipastikan pada kadar yang memuaskan, iaitu 1:12.

Sumber manusia sesebuah organisasi adalah merupakan aset terpenting dalam usaha membangunkan organisasi berkenaan ke arah yang lebih mantap. Usaha diambil bagi memastikan staf Universiti sentiasa bermotivasi, cekal dan bekerja kuat. Program pembangunan profesionalisme staf dilaksanakan sepanjang 2004.

Peluang melanjutkan pelajaran sentiasa disediakan kepada staf akademik sama ada di dalam mahupun luar negara. Langkah ini selaras dengan pelan strategik Universiti untuk memastikan 50 peratus staf akademik mempunyai kelulusan Ph.D pada 2010. Bagi mempelbagaikan latar belakang staf akademik, Universiti menetapkan agar staf dihantar ke pelbagai negara maju termasuk United Kingdom, Jerman, Australia dan Jepun.

Kebajikan staf juga menjadi keutamaan sepanjang tahun 2004. Aktiviti sosial dan kekeluargaan dilaksanakan secara bersama dengan Badan Kebajikan Staf KUTKM (BAKUTKM). Contohnya ialah penganjuran Majlis Sambutan Hari Raya Peringkat KUTKM dan penubuhan Koperasi KUTKM.

**Pembangunan Fizikal**

Kerjasama erat semua pihak terlibat telah berjaya memastikan perancangan pembangunan Kampus Tetap KUTKM berjalan lancar. Ini telah membolehkan Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK) berpindah ke kampus tetap pada November 2004. Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE) pula dijangka pindah ke kompleks barunya di kampus tetap pada Mac 2005.

Penggunaan ICT dalam operasi Universiti turut menjadi agenda utama. Kemudahan ICT sedia ada dipertingkatkan lagi bagi memenuhi keperluan pelajar, pensyarah dan staf pengurusan universiti. Selain itu, inisiatif *e-pengurusan* telah dimulakan.

Pendekatan pembelajaran secara e-pengajaran juga diberikan tumpuan akan dilakukan secara berperingkat bagi memastikan mulai tahun 2005 ia dapat dilaksanakan.

**Pembangunan Pelajar**

Kebajikan dan keselesaan pelajar terus menjadi keutamaan Universiti. Untuk itu, kemudahan asas seperti bilik kuliah, asrama, pengangkutan, padang permainan dan perpustakaan dipastikan tersedia untuk kegunaan mereka. Kualiti perkhidmatan tidak pernah diketepikan malah Universiti berusaha untuk memenuhi semua keperluan pelajar.

Universiti turut menyediakan skim pinjaman bagi pelajar-pelajar yang menghadapi masalah kewangan. Bantuan juga diberikan kepada mereka sementara menunggu pinjaman yang mereka perolehi daripada PTPTN atau pihak lain. KUTKM ingin menjadikan pelajar ahli profesional yang bersahsiah murni dan berketerampilan tinggi. Untuk mencapai misi ini, pelbagai aktiviti telah kendalikan pada 2004 termasuklah Baktisiswa Perdana yang dilaksanakan di Kampung Balik Pulau, Melaka. Penekanan ke arah aktiviti luar bilik kuliah sentiasa dilakukan bagi membina kemahiran peribadi pelajar.

**Kewangan**

Pada 2004, peruntukan mengurus KUTKM berjumlah RM 71.2 juta manakala perbelanjaan adalah berjumlah RM 81.3 juta. Lebihan perbelanjaan berlaku kerana perkembangan pesat KUTKM pada tahun lalu akibat daripada pertambahan staf dan pelajar yang memaksa lebih banyak kemudahan asas disediakan. Perbezaan ini dibiayai melalui pendapatan lain universiti. Pendapatan lain Universiti, termasuk kutipan yuran berjumlah RM 13.5 juta iaitu 15.95% daripada keseluruhan pendapatan operasi KUTKM.

Untuk 2005, beberapa inisiatif seperti penubuhan KUTKM Holdings dan Advanced Manufacturing Centre (AMC) akan ditubuhkan sebagai pusat yang boleh menjadi sumber penjanaan pendapatan Universiti bagi memastikan KUTKM lebih berdikari pada masa akan datang.

"Bersama Membangunkan KUTKM" harus dijadikan pegangan setiap warga KUTKM, baik staf mahupun pelajar dalam menjadikan KUTKM sebagai sebuah universiti pilihan ramai. Tanpa kerjasama erat antara semua, apa yang telah dicapai pada 2004 tidak dapat diulangi atau ditingkatkan. Justeru, saya mengharapkan setiap dari kita menanamkan azam dan tekad untuk bersama-sama saya dan kepimpinan tinggi Universiti agar kita meningkat ke tahap yang lebih tinggi pada 2005.

Sekian, terima kasih.

**Datuk Profesor Ismail bin Hassan**
**Rektor**

UTeM UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

# BERSAMA MEMBANGUNKAN KUTKM



Mesyuarat MOUDRB-Hicom, CTRM Sdn. Bhd, Robomatics Sdn. Bhd, MRJ Technology Sdn. Bhd, KRU Berhad (*Feb.*) dan DTEX International Sdn. Bhd (*April*).

Majlis Perasmian
Bengkel Enterprise Resource Planning



## AKADEMIK

Selepas empat tahun beroperasi KUTKM kini menawarkan 24 program akademik dalam bidang kejuruteraan dan teknologi maklumat di peringkat diploma dan ijazah pertama. Dua program baru iaitu Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Pembuatan (Bahan Kejuruteraan) dan Sarjana Muda Kejuruteraan Pembuatan (Pengurusan Pembuatan) mula ditawarkan pada sesi ini. Pelajar pengambilan pertama ijazah sarjana muda dalam teknologi maklumat telah menamatkan pengajian mereka pada hujung tahun ini.

Institut Pengurusan Teknologi dan Keusahawanan (IPTK) yang ditubuhkan pada Januari 2004 bagi membantu melahirkan pakar pengurusan dalam sektor industri, kini menawarkan program peringkat sarjana sains dengan pengkhususan dalam Pengurusan Teknologi, Keushawanan dan Pembangunan Sumber Manusia. Seterusnya IPTK turut menawarkan program Doktor Falsafah dalam tiga pengkhususan tadi serta dalam Pengurusan Kualiti. Selain dari IPTK, Pusat Pengajian Siswazah juga ditubuhkan bagi menyelaras penawaran program ijazah lanjutan secara keseluruhan yang sebelum ini dikendalikan oleh UNIC.

**Bilangan Pelajar**
Bilangan pelajar baru yang mendaftar pada sesi akademik 2004/2005 adalah seramai 1,354 orang. Daripada jumlah itu, 1,315 ialah pelajar diploma dan ijazah pertama manakala 39 orang lagi adalah pelajar sarjana dan PhD. Ini menjadikan jumlah keseluruhan pelajar KUTKM seramai 4,106 orang, iaitu pelajar diploma 800 orang, ijazah sarjana muda (3,267 orang), ijazah sarjana (25 orang) dan PhD (14 orang). Bagi terus meningkatkan pilihan terhadap KUTKM, Pusat Perhubungan Korporat dan Antarabangsa dengan kerjasama Bahagian Pengurusan Akademik serta Fakulti telah giat melakukan pameran, ceramah dan promosi sepanjang 2004. Kumpulan sasaran utama KUTKM ialah pelajar-pelajar matrikulasi dan politeknik di seluruh negara.

**Pengajaran dan Pembelajaran**
Sepanjang tahun ini, langkah pemantapan program akademik ditekankan bagi memastikan tahap kualiti kurikulum mematuhi piawaian dan mendapat pengiktirafan Jabatan Perkhidmatan Awam serta badan-badan ikhtisas. Untuk itu, sebuah pusat baru iaitu Pusat Jaminan Kualiti dan Akreditasi (PJKA) telah ditubuhkan. Peranan PJKA ialah memastikan program-program yang ditawarkan KUTKM diiktiraf oleh badan-badan Ikhtisas, kerajaan dan pihak antarabangsa serta memastikan pembudayaan kualiti menyeluruh diterapkan dan dihayati oleh warga KUTKM. Seterusnya Universiti telah mengambil langkah ke arah memperoleh Persijilan MS ISO 9001: 2000 bagi pembangunan dan penawaran program prasiswazah. Usaha juga sedang giat dilakukan bagi mendapatkan pengiktirafan dari JPA dan Lembaga Jurutera Malaysia.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Bagi membantu meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran, Pusat Kecemerlangan Pengajaran dan Pembelajaran (PKPP) telah ditubuhkan. Pusat ini berperanan mengendalikan program latihan staf akademik dan mempelopori usaha membudayakan kecemerlangan dalam pengajaran dan pembelajaran yang berteraskan aplikasi dan amalan. Pembentukan PKPP juga bertujuan membantu merealisasikan hasrat KUTKM menjadi sebuah institusi pengajian bertaraf global yang seterusnya menjadi penyumbang kepada pembangunan negara.

Selaras dengan usaha mengukuhkan program akademik KUTKM, Penerbit Universit telah mengambil langkah ke arah memulakan usaha menerbitkan karya staf akademik Universiti di samping mengeluarkan makalah dan bahan promosi Universiti. Pusat Perkhidmatan Akademik pula telah melancarkan siri usaha untuk meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris di kalangan pelajar serta meningkatkan kemahiran diri pelajar secara keseluruhan.

**Pemeriksa Luar KUTKM**

| Fakulti | Nama Pemeriksa | Institusi |
|---|---|---|
| FKEKK | Prof. John Micheal Senior | University of Hertfordshire |
| | Prof. Dr. Ir. Abd. Halim bin Mohammad Yatim | Universiti Teknologi Malaysia |
| | Prof. Dr. Ir. Ahmad Faizal bin Mohd Zain | Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn |
| | En. Halimi bin Sanusi | Universiti Kebangsaan Malaysia |
| FKM | Prof. Dr. Ir. Farid Nasir b. Ani | |
| | Prof. Peter Robert Scott White | University of Coventry |
| FKP | Prof. Dr. Zahari bin Taha | Universiti Malaya |
| | Prof. Dr. Mohamad Sharif bin Nabi Bakash | Universiti Teknologi Malaysia |
| | Prof. Dr. Ashraf Jawaid | University of Coventry |
| FKE | Prof. Dr. Ir. Abdullah Asuhaimi bin Mohd Zin | |
| | Prof. Dr. Charles Sivinsky | University Missouri, Columbia |
| FTMK | Prof. Dato' Ir. Dr. Mashkuri bin [illegible] | Universiti Malaya |

Bagi mengukuhkan program akademik KUTKM, pemeriksa luar dari universiti dalam dan luar negara, telah dilantik dan telah melakukan tugas masing-masing sepanjang 2004. Seterusnya Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi telah turut menerima lawatan Panel Penilai Jaminan Kualiti, Kementerian Pengajian Tinggi. Panel ini mengandungi staf akademik dari UKM, UTM, USM dan KUSTEM.

**Kerjasama Strategik**

Di samping memorandum kerjasama dengan dua universiti luar negara iaitu University of Coventry dan Berlin Technical University pada 2003, KUTKM telah memeterai perjanjian dengan beberapa syarikat swasta tempatan pada 2004.

Kerjasama ini adalah dalam aspek perkongsian kepakaran, pengendalian program pembangunan staf serta penempatan pelajar KUTKM untuk program latihan industri. Syarikat berkenaan termasuklah DRB-HICOM, CTRM dan KRU Berhad.

**PENYELIDIKAN DAN INOVASI**

Bidang penyelidikan dan inovasi di institut pengajian tinggi amat penting dalam perkembangan hala tuju Universiti khasnya dan Malaysia amnya. KUTKM juga memberikan penekanan yang amat tinggi terhadap kegiatan penyelidikan dan inovasi. Pada 2003/2004, terdapat 44 projek penyelidikan jangka pendek dikendalikan oleh staf akademik KUTKM dengan geran sejumlah RM813,749 berbanding cuma 15 projek dan RM 395,505 pada tahun 2002/2003. Seterusnya dua orang penyelidik KUTKM telah berjaya memperolehi dua Geran Penyelidikan *Intensification in Research of Priority Areas* (IRPA) seperti di bawah.

| Nama Penyelidik | Tajuk Penyelidikan | Jumlah Geran |
|---|---|---|
| Prof. Dr. Marizan bin Sulaiman | Design And Implementation Of Intelligent Vision-Based Automated Guided Vehicle (AGV) System | 139,000 |
| Prof. Dr. Mohd Razali bin Muhamad | Development Of New Cutting Tools For Ultra Precision Machining | 609,000 |
| **Jumlah** | | 748,000 |

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



Taklimat Penyertaan KUTKM ke Pertandingan ROBOFEST 2004



Prof. Madya Goh Ong Sing telah menerima beberapa pengiktirafan bagi ciptaan robot maya, AINI (*Artificial Intelligence Neural-Network Identity*).

Pada 2004 ini IPTK, telah berjaya menerbitkan *Journal of Technology Management and Entrepreneurship* (JTME). Untuk meluaskan lagi peranan IPTK, institut ini menubuhkan *Malaysian Technopreneur Development Centre* (MATDEC) pada 21 Oktober 2004. IPTK juga menjalinkan kerjasama yang erat dengan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi. Pada tahun ini IPTK telah diberikan peruntukan sebanyak RM83,134.29 bagi menjalankan Kursus Asas Keusahawanan Siswa (KAKS) untuk pelajar tahun akhir dan RM48,790.90 bagi menjalankan Latihan Keusahawanan Siswa (LKS) untuk pelajar tahun 1 dan 2.

Staf akademik KUTKM telah terlibat dalam pembentangan kertas kerja dalam dan luar negara. Sebanyak 20 kertas kerja telah dibentangkan dalam persidangan antarabangsa dan 32 lagi di persidangan dalam neagara. Seorang staf akademik KUTKM, Prof. Madya Goh Ong Sing telah menerima beberapa pengiktirafan bagi ciptaan robot maya, AINI (*Artificial Intelligence Neural-Network Identity*). Antaranya ialah *Best of the New Innovation Award* dalam *The 2nd International Conference on Neural Network and Computational Intelligence* (NCI) di Switzerland pada bulan Februari 2004 dan pingat emas dalam *Malaysia Invention & Design Society (MINDS) Awards, International Invention Innovation Industrial Design & Technology (ITEX)* di Kuala Lumpur pada Mei 2004 serta anugerah *Best Individual Inventor' daripada Japan Institute of Invention and Innovation (JIII), JIII International Awards.*
Ciptaan ini turut diiktiraf sebagai Program Robot Interaktif pertama di Malaysia dan dicatatkan dalam *The Malaysia Book of Records 2004.*

Proses penubuhan Pusat Pembuatan Termaju atau *Advanced Manufacturing Centre* (AMC) diteruskan. AMC dijangka mula beroperasi pada November 2005 dan akan berfungsi sebagai *Teaching Factory* untuk membantu proses pengajaran dan pembelajaran di universiti. Pusat ini dijangka berupaya melaksanakan projek-projek yang mampu menjana pendapatan. Penubuhan AMC juga meningkatkan kemudahan-kemudahan KUTKM dengan aplikasi teknologi yang termaju yang akan membantu pembentukan rangkaian kerjasama dengan sektor perindustrian. Untuk memaksimumkan kerjasama KUTKM dengan industri, universiti bercadang untuk menubuhkan Panel Penasihat Industri atau *Industrial Advisory Panel* (IAP) pada 2005. Panel ini bermatlamat untuk memastikan graduan KUTKM memiliki pengetahuan dan *kemampuan* membantu memenuhi permintaan semasa industri.

**PENGURUSAN**

Pendekatan pengurusan KUTKM diperkemaskan lagi dalam 2004. Usaha untuk merangka Pelan Strategik KUTKM bagi tempoh masa 2004-2010 telah dilengkapkan.

Pelan ini telah didokumenkan dan diedarkan kepada setiap warga KUTKM. Setiap Pusat Tanggung Jawab (PTj) telah diminta untuk merancang dan melaksanakan fungsi masing-masing dengan berpandukan pelan ini.

Bagi memperkukuhkan budaya pengurusan berorientasikan hasil, Majlis Amanat Rektor telah turut diperkenalkan buat pertama kalinya di KUTKM. Melalui amanatya, Rektor akan menggariskan sasaran dan keutamaan dalam perancangan dan tindakan universiti untuk tahun berkenaan. Sasaran dan keutamaan ini juga diterapkan oleh setiap PTj dalam pelan tindakan tahunan masing-masing.

UTeM
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Proses pemantapan pengurusan sumber manusia dan pentadbiran KUTKM terus dilaksanakan dengan pertambahan bilangan staf universiti. Berdasarkan kelulusan Perbendaharaan Malaysia melalui Waran Perjawatan, sebanyak 110 orang staf telah diambil bagi mengisi jawatan akademik pada tahun 2004. Bagi jawatan bukan akademik pula, sebanyak 96 orang staf telah diambil untuk bekerja. Sehingga 31 Disember 2004, KUTKM mempunyai 1010 orang staf yang terdiri dari 3 orang dari Pengurusan Tertinggi, 401 staf Akademik, 88 staf Pengurusan dan Profesional dan 337 staf Sokongan. Manakala sebanyak 181 orang staf bertaraf sementara. Hampir 40% tenaga sumber manusia yang berkhidmat di KUTKM merupakan mereka yang mempunyai pengalaman kerja di organisasi lain sebelum berkhidmat dengan KUTKM. Mereka ini memainkan peranan utama dalam membantu membangunkan universiti ini.

Daripada 401 staf akademik, 11 merupakan Profesor, 18 Profesor Madya, 228 orang Pensyarah, 96 Tutor, 42 orang jurutera pengajar dan 6 Guru Bahasa. Seramai 23 staf akademik mempunyai kelayakan PhD, 234 Sarjana dan 144 Ijazah Sarjana Muda. KUTKM turut mempunyai 13 orang staf akademik dari luar negara. Seramai tujuh staf dari Indonesia, 3 dari India, 2 dari Bangladesh dan 1 dari Somalia.

UTeM
اونيۏرسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Pengagihan staf akademik juga dibuat secara sistematik dan mengikut keperluan berdasarkan pada fungsi dan peranan setiap PTj terutamanya fakulti dan pusat kecemerlangan akademik yang lain. Senarai agihan kakitangan akademik di setiap pusat akademik adalah seperti berikut:-

| FAKULTI / PEJABAT / PUSAT | 2004 |
|---|---|
| Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE) | 56 |
| Fakulti Kejuruteraan Elektronik & Kejuruteraan Komputer (FKEKK) | 55 |
| Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) | 62 |
| Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) | 46 |
| Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK) | 87 |
| Pusat Perkhidmatan Akademik (PPA) | 79 |
| Pusat Universiti Industri (UNIC) | 4 |
| Institut Pengurusan Teknologi & Keusahawanan (IPTK) | 9 |
| Pusat Pengajian Siswazah (PPS) | 2 |
| Pusat Kecemerlangan Pengajaran dan Pembelajaran (PKPP) | 1 |
| JUMLAH | 401* |

**Jumlah ini merangkumi 387 orang staf tetap dan 14 orang staf kontrak*

Bagi memastikan maklumat peribadi dan perjawatan keseluruhan staf lebih bersistematik dan teratur, Pejabat Pendaftar dengan kerjasama Pusat Komputer telah mengambil inisiatif untuk membangunkan Sistem Maklumat Sumber Manusia (SMSM). Buat masa ini ia berada di peringkat pembangunan fasa pertama dan telah mula diguna pakai oleh bahagian yang terlibat iaitu Bahagian Pengurusan Sumber Manusia dan Unit Pengurusan Kualiti.

Pada 1 November 2004, pengurusan KUTKM telah mengalami penstrukturan semula selaras dalam usaha memantapkan lagi segala urusan dan fungsinya. Penstrukturan semula melibatkan beberapa PTj bertukar nama serta dinaiktaraf. Antara PTj yang terlibat termasuklah Pusat Pengajian Siswazah, Penerbit Universiti, Pusat Perhubungan Korporat dan Antarabangsa serta Pusat Jaminan Kualiti dan Akreditasi

### Anugerah Khidmat Cemerlang

Sebagai menghargai dan meraikan semua staf khususnya kepada mereka yang telah bekerja keras melancarkan perjalanan pengurusan dan operasi Universiti, pihak pengurusan universiti telah mengadakan majlis Anugerah Khidmat Cemerlang dan Hari Kualiti KUTKM pada 16 September 2004. Bertujuan mengiktiraf dan menghargai sumbangan staf yang telah menunjukkan prestasi cemerlang sepanjang 2003. Seramai 55 orang staf telah dipilih sebagai penerima Anugerah Khidmat Cemerlang, manakala penerima Anugerah Kecemerlangan Khas telah diberikan kepada Pengarah Penerbit Universiti, Prof. Madya Goh Ong Sing di atas inovasi beliau yang mencipta robot MAYA "AINI".

Sementara itu, seramai sembilan orang staf telah dipilih menerima Anugerah Kecemerlangan Khas atas kejayaan cemerlang dalam bidang sukan pada majlis tersebut juga, pihak Universiti telah menyampaikan sijil penghargaan kepada lapan orang ketua pemilik proses MS ISO 9001:2000 kerana usaha gigih mereka meningkatkan kualiti pengurusan universiti agar KUTKM layak dianugerahkan sijil MS ISO 9001:2000.

### Kebajikan Staf

Kebajikan staf juga menjadi keutamaan sepanjang 2004 di mana aktiviti-aktiviti sosial dan kekeluargaan dilaksanakan melalui Badan Kebajikan Staf KUTKM (BAKUTKM). Kesan daripada pendekatan ini, satu Majlis Sambutan Hari Raya Peringkat KUTKM di bawah kelolaan BAKUTKM telah berjaya dianjurkan pada penghujung tahun dengan melibatkan semua PTj di KUTKM.

Selain itu juga, Koperasi KUTKM telah ditubuhkan bagi menyemarakkan budaya keusahawanan di KUTKM. Ia memberikan peluang kepada warga KUTKM menjadi ahli dengan mencarum setiap bulan sekali gus membantu Koperasi ini mendapatkan modal untuk bergerak.

## PEMBANGUNAN PELAJAR

Seperti di kebanyakan pusat pengajian tinggi lain, sebahagian besar aktiviti pelajar dipantau oleh Pejabat Hal Ehwal Pelajar (HEP). Antaranya, membantu penubuhan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), penubuhan persatuan/kelab serta menyediakan beberapa perkhidmatan untuk kebajikan pelajar. Tindakan ini selaras dengan hasrat Universiti untuk melahirkan pelajar yang bersahsiah tinggi dan berkompetensi dalam bidang kepakaran masing-masing.

### Majlis Perwakilan Pelajar

Sebelum 2004, semua calon yang bertanding dalam pilihan raya, telah dilantik sebagai wakil MPP secara automatik. Ini disebabkan jumlah calon yang bertanding, sama dengan bilangan kerusi yang disediakan untuk MPP. Bagaimanapun, pada tahun ini, ramai calon yang menawarkan diri untuk kerusi MPP, menyebabkan berlakunya pertandingan yang sihat antara mereka.

Antara aktiviti yang dilaksanakan oleh MPP ialah mengadakan Kejohanan Festival Sukan Kolej Kediaman (FESKO 2004) sepanjang Julai hingga September. Selain itu, ia juga menganjurkan kempen Penampilan Cemerlang selama sebulan mulai 24 Ogos.

Salah satu lagi aspek yang sentiasa diberi tumpuan ialah sumbangan pelajar kepada masyarakat. Untuk itu, MPP telah bekerjasama dengan pihak pengurusan Universiti serta Kementerian Belia dan Sukan, mengadakan program Bakti Siswa di Kampung Bukit Pulau, Melaka. Program itu turut dihadiri Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Hj. Mohd Ali bin Mohd. Rustam.

### Kelab dan Persatuan

Sepanjang 2004, Universiti mempunyai 21 persatuan atau kelab yang berdaftar untuk membolehkan pelajar aktif dalam bidang kebudayaan, keusahawanan dan seni mempertahankan diri. Antaranya ialah Kelab Perpaduan, Kelab Usahawan Teknokrat, Kelab Kesenian dan Budaya dan Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia.

Antara aktiviti yang telah disertai/ dianjurkan oleh pelajar ialah Karnival Sukan MASUM fasa 1 2004 di UTM Skudai (9 - 13 Ogos), Bengkel *Smart Learning* di Pulau Besar, Melaka (3 - 4 Dis.), Kejohanan Taekwando Terbuka UMS (24 - 26 Sept.), Kursus Modul Siswa BTN di El-Ezzhar Camp (10 - 12 Sept) dan Festival Tadau Keamatan & Gawai di KUTKM (21 Ogos).

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

**Fakulti**

Pihak fakulti juga menekankan aspek perkembangan kompetensi pelajar. Untuk itu, beberapa aktiviti telah dijalankan dari semasa ke semasa. Antaranya ialah Kem Bahasa Inggeris pada 10 -12 September 2004 untuk memperbaiki tahap penguasaan bahasa Inggeris di kalangan pelajar FKEKK, pertandingan robot SUMO oleh FKP dan kursus jangka pendek Malaysian University English Test (MUET) oleh PPA pada 11 - 13 September.

**Perkhidmatan untuk pelajar**

Antara perkhidmatan yang disediakan untuk kebajikan pelajar ialah khidmat kesihatan, sukan dan rekreasi, insurans perubatan, kaunseling dan kerjaya, kewangan dan kolej kediaman.

Bagi khidmat kesihatan, klinik pelajar KUTKM telah beroperasi sepenuhnya sejak Jun 2004. Ia mempunyai dua pembantu perubatan, seorang staf sokongan dan dilengkapi dengan pelbagai peralatan rawatan. Klinik ini saling berhubung dengan Kementerian Kesihatan dan perkhidmatan yang diberikan kepada pelajar ialah rawatan kesihatan, maklumat penyakit tertentu serta pencegahan penyakit berjangkit.

Dalam bidang sukan dan rekreasi, pelajar dibimbing mengenai cara-cara menganjurkan sesuatu pertandingan sukan atau rekreasi. Selain itu, mereka juga akan diberikan khidmat fisioterapi jika tercedera sewaktu menjalani aktiviti sukan dan rekreasi.

Untuk perkhidmatan insurans pula, pelajar dilindungi oleh Skim Pelan Takaful Keluarga Berkelompok (PTKB). Bayaran RM10 yang dikenakan kepada pelajar pada setiap sesi, akan dicarumkan sebagai yuran khairat. Pelajar akan dilindungi di bawah skim ini sehingga mereka menamatkan pengajian.

Di bawah khidmat kaunseling dan kerjaya, Kaunseling Individu ditawarkan kepada mana-mana pelajar yang bermasalah, membuat temujanji secara sukarela dengan kaunselor. Selain itu, Kaunseling Berkelompok turut ditawarkan bagi kes atau pun pelajar yang dirujuk oleh Unit Disiplin dan Tugas-tugas Khas, Dekan HEP atau fakulti.

Bagi khidmat kewangan, pelajar dibantu mendapatkan penaja, sama ada dalam bentuk pinjaman atau biasiswa. Agensi yang sering dirujuk ialah Tabung PTPTN dan MARA dan ada juga pelajar yang mengambil inisiatif sendiri untuk berurusan terus dengan penaja. Universiti turut membantu menawarkan skim pinjaman jangka pendek dan skim tabung khairat kemalangan & kematian selain menyediakan kemudahan untuk penaja memberikan taklimat dan temu duga.

Sepanjang 2004 juga, sejumlah 2,745 pelajar memohon bantuan kewangan daripada pelbagai sumber. Daripada jumlah itu, 2,431 orang menerima bantuan kewangan berbentuk pinjaman manakala selebihnya menerima biasiswa.

Untuk kolej kediaman pula, beberapa pangsapuri telah disewa untuk dijadikan tempat penginapan pelajar. Pangsapuri itu, masing-masing terletak di Bukit Beruang (1,184 pelajar), Bachang (980 pelajar) dan Taman Tasek Utama (1,144 pelajar). Kolej kediaman ini turut disediakan peralatan perabot, kemudahan Internet, surau, kafeteria dan pos pengawal.

UTeM
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA





**Prasarana Dan Kemudahan**

Kemajuan projek pembinaan kampus tetap Universiti di Durian Tunggal telah berjalan lancar dan menepati sasaran Rancangan Malaysia ke-8 (RMKe-8). Ini adalah hasil daripada pemantauan, penyelarasan dan kerjasama erat antara Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset KUTKM bersama-sama Perunding Pengurusan Projek (PMC) dalam melaksanakan projek-projek kontrak reka & bina (*design & build contract*) kampus tetap

Bangunan baru Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK) di Durian Tunggal berjaya disiapkan mengikut jadual. Berikutan itu, FKEKK telah berpindah sepenuhnya pada November tahun ini dan kuliah di situ bermula tidak lama selepas itu. Kemudahan yang ada di fakulti ini ialah 17 makmal, 12 bilik kuliah, dan 18 bilik tutorial. Manakala bangunan baru Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE) pula dijangka siap sepenuhnya pada Mac 2005 dan kuliah di fakulti itu akan bermula pada sesi pengajian 2005/2006.

Pembangunan kampus tetap Universiti menitikberatkan penyediaan kemudahan landskap selaras dengan keperluan kawasan hijau (*green belt*) dalam kampus. Beberapa lokasi strategik akan disediakan bagi kemudahan aktiviti kokurikulum pelajar seperti tapak perkhemahan, litar larian, laluan berbasikal dan jeti kayak.

Selain itu, beberapa lokasi baru untuk penempatan pelajar di situ, juga telah dikenal pasti bagi menampung enrolmen pelajar yang terus meningkat setiap tahun.

Bagi pembangunan kampus sementara di Ayer Keroh pula, Universiti telah menyewa lebih banyak lot tambahan untuk dijadikan ruang pentadbiran, pengajaran dan pembelajaran bagi keperluan 4,063 pelajar dan 1,010 staf. Sehingga akhir tahun, sebanyak 89 unit rumah kedai dan bangunan makmal telah disewa bagi menempatkan ruang pentadbiran utama, pejabat pusat-pusat tanggungjawab dan ruang pembelajaran. Manakala bangunan Cubic Electronics pula disewa bagi menempatkan ruang pejabat Pusat Perkhidmatan Akademik, makmal pembelajaran, bilik/dewan kuliah dan bilik pensyarah.

Universiti turut menyewa beberapa bangunan dan pangsapuri untuk dijadikan kolej kediaman pelajar. Ada lima Kolej Kediaman yang menempatkan lebih 3,000 pelajar iaitu di Bachang, Bukit Beruang dan Taman Tasek Utama, Ayer Keroh. Kolej-kolej kediaman itu dilengkapi dengan pelbagai kemudahan seperti padang bola sepak, gelanggang takraw dan gelanggang bola tampar. Berhampiran dengan padang dan perhentian bas pula disediakan wakaf untuk kemudahan pelajar semasa menunggu bas.











UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA






Dari segi pembangunan aplikasi teknologi maklumat, beberapa langkah bagi melancarkan lagi sistem pentadbiran dan pengurusan Universiti secara elektronik telah dilaksanakan. Antaranya ialah menambah penggunaan komputer, menyelaraskan latihan IT di kalangan staf, melaksanakan sepenuhnya Sistem Maklumat Pelajar (SMP), membangunkan Sistem Maklumat Sumber Manusia (SMSM), membangun dan melaksanakan Sistem Maklumat Kewangan Bersepadu (SMKB).

Rangkaian dan pelayar disediakan di kedua-dua kampus iaitu di Ayer Keroh dan Durian Tunggal bagi memudahkan staf dan pelajar berurusan secara elektronik. Sehingga akhir tahun, sejumlah 2,246 unit komputer telah dipasang di Universiti berbanding 1,707 komputer pada tahun 2003.

Sesuai dengan tempat rujukan, Perpustakaan turut berkembang mengikut perancangan. Koleksi bahan-bahan ilmiah/ rujukan yang bercetak serta elektronik seperti CD-Rom, kaset, video dan pangkalan data online telah bertambah tahun ini. Perpustakaan turut meningkatkan kemudahan mencapai maklumat tertentu melalui web. Semua ini telah memberikan kemudahan bukan sahaja kepada pelajar staf dalam membuat rujukan untuk pelbagai aspek terutamanya aspek pembelajaran.

UTeM
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA







## PENGURUSAN KEWANGAN

Pertambahan enrolmen pelajar pada 2004, telah mencatatkan peningkatan hasil yuran sebanyak 46.3 peratus. Bagaimanapun, disebabkan pertambahan penyediaan kemudahan dan perkhidmatan, kos operasi juga meningkat kepada 17.9 peratus. Keadaan ini menyebabkan Universiti mengalami defisit RM1.27 juta.

Seperti universiti lain yang baru ditubuhkan, KUTKM masih mengharapkan geran daripada kerajaan. Pada masa yang sama, Universiti sentiasa berusaha menjana pendapatan daripada perkhidmatan profesional ahli akademik.

Objektif kualiti Universiti bukan saja untuk menambah pendapatan, tetapi juga bertanggungjawab mempertingkatkan kepuasan pelanggan. Justeru, beberapa langkah jangka pendek dan jangka panjang telah disusun untuk terus membangun dan mempertahankan objektif penubuhannya. Antaranya ialah memantapkan sistem pengurusan semua Pusat Tanggungjawab (PTj) supaya pengesanan menyeluruh dapat dilaksanakan. Ini membabitkan perancangan bajet, proses perolehan pemantauan dan seterusnya kawalan berterusan.

Sungguhpun pengurusan kewangan KUTKM masih pada tahap pembangunan dan pendidikan, prinsip akauntabiliti dan integriti sentiasa mendasari proses pengurusan kewangan Universiti. Pelbagai usaha terus dirancang dan dilakukan bagi memantapkan pengurusan dan kawalan di peringkat universiti dan PTj. Pihak pengurusan atasan sentiasa memberi perhatian dan sokongan penuh terhadap usaha mempertingkatkan keberkesanan pengurusan kewangan Universiti.

Pembangunan Sistem Maklumat Kewangan Bersepadu KUTKM (SMKB) masih di peringkat percubaan dan sistem ini dijangka dapat digunakan sepenuhnya pada 2005. Ia dibangunkan secara berperingkat-peringkat dan proses pembayaran Universiti menggunakan sistem ini bermula 1 Ogos 2004. SMKB akan diintegrasi bersama Sistem Maklumat Pelajar dan Sistem Maklumat Sumber Manusia untuk meningkatkan keupayaan dan kecekapan pengurusan. Antaranya ialah mengurangkan kesilapan sewaktu pemindahan data. Ia juga dijangka boleh membantu pihak pengurusan mendapatkan maklumat terkini, seperti kedudukan kewangan PTj ataupun status permohonan PTj.

Sistem ini dibentuk supaya semua urusan kewangan dan perakaunan berjalan seiring di peringkat pelaksanaan dan kawalan. Kelemahan salah satu aspek ini akan menjejaskan proses pembuatan keputusan di peringkat pengurusan. Sehingga akhir 2004, sistem ini didapati banyak membantu sebahagian proses kewangan. Pada masa yang sama, proses penambahbaikan terus dilakukan supaya sistem yang dihasilkan akan lebih mantap, berkesan dan telus.

Pada peringkat kawalan pengurusan kewangan KUTKM, pemerhatian juruaudit dalaman dan luar turut diberi perhatian serius oleh pihak pengurusan universiti. Segala teguran atau cadangan yang diberi, sama ada sudah atau sedang dilaksanakan oleh pihak bertanggungjawab. Langkah pembetulan dan penambahbaikan ini bertujuan membantu meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan.

UTeM
اونيۏرسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

# PERISTIWA SEPANJANG 2004...



















**1** Institut Pengurusan Teknologi dan Keusahawanan (IPTK) ditubuhkan (*Januari*). Pengambilan kumpulan pertama pelajar pasca siswazah bermula pada Jun.

**2** Majlis Amanat Rektor oleh Datuk Prof. Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani (*Februari*).

**3** Universiti mengadakan perjanjian persefahaman (MoU) dengan DRB-Hicom, CTRM Sdn. Bhd, Robomatics Sdn. Bhd, MRJ Technology Sdn. Bhd, KRU Berhad (*Feb.*) dan DTEX International Sdn. Bhd (*April*).

**4** Datuk Prof. Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani melepaskan jawatan Rektor KUTKM untuk aktif dalam politik (*Mac*).

**5** Prosedur ISO dilaksanakan secara percubaan oleh Universiti (*Mei*). Ia sebagai persediaan Universiti mendapatkan pensijilan MS ISO 9001 – 2000 pada 2005. Pelaksanaan sebenar Prosedur ISO bermula pada Jun.

**6** Datuk Prof. Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani diraikan pada Majlis Persaraan Rektor (*Mei*). Timbalan Rektor (Akademik), Datuk Prof. Ismail bin Hassan kemudian dilantik sebagai Rektor Kedua KUTKM dan majlis meraikan beliau diadakan pada September.

**7** Minggu Haluan Siswa sesi I 2004/2005. Seramai 1,354 pelajar baru mendaftar di pelbagai fakulti (*Jun*).




8



10



11



12



13




15

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

**8** Seminar Kebangsaan Peranan Sains & Teknologi Dalam Pembinaan Tamadun (*Jun*). Seminar dua hari ini adalah anjuran Universiti dengan kerjasama kerajaan negeri Melaka, dan Pusat Dialog Peradaban Universiti Malaya serta membabitkan pembentangan 11 kertas kerja.

**9** Program Bakti Siswa Perdana Rakan Muda IPTA (BAKSIS Perdana '04) (*Julai*).

**10** Sukan Antara Jabatan KUTKM, membabitkan pertandingan bola sepak, bola jaring dan badminton (*Julai*).

**11** Audit Kecukupan ke atas Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:200 oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd (*Julai*).

